

24/03/2000

1.9 bilion penduduk dunia dijangkiti batuk kering

KUALA LUMPUR, Khamis - Satu pertiga atau lebih 1.9 bilion jumlah penduduk dunia dijangkiti batuk kering (TB) dengan 10 juta kes baru serta dua juta kematian dilaporkan setiap tahun.

Presiden Majlis Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir, berkata Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menjangkakan seramai 300 juta orang lagi dijangkiti batuk kering abad ini.

Katanya, pada masa ini, TB adalah penyebab utama kematian membabitkan pesakit HIV di seluruh dunia.

"Laporan WHO mendapati apabila seseorang itu menghidapi HIV dan TB sekali gus ia akan mempercepatkan pergerakan jangkitan TB kepada pesakit yang positif HIV.

"WHO juga mengenal pasti 11 juta orang mendapat jangkitan TB dan HIV sekali gus dalam satu masa di seluruh dunia.

"Pada abad ini, kadar jangkitan kes batuk kering yang disebabkan HIV dijangka meningkat sehingga tujuh kali ganda," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Marina berkata, ketika ini ada kira-kira 33.6 juta pengidap HIV/Aids dan 23 peratus daripadanya membabitkan rakyat di Asia Selatan dan Asia Tenggara.

"Sepanjang tahun lalu, kira-kira 5.6 juta kes baru HIV dikesan di seluruh dunia, iaitu 3.8 juta di Afrika, Asia Selatan dan Tenggara (1.3 juta).

"Walaupun HIV/Aids memberi kesan kepada pelbagai kumpulan penduduk, ia dipercayai menjadi wabak yang kerap berlaku di negara membangun berikutan faktor kemiskinan," katanya.

Sementara itu, sehingga akhir tahun lalu, seramai 33,233 orang dilaporkan dijangkiti HIV/Aids manakala 14,115 dijangkiti penyakit batuk kering, di negara ini. Marina berkata, Majlis Aids Malaysia adalah gabungan 32 badan bukan kerajaan yang bekerja dalam bidang HIV/Aids di negara ini.

"Majlis terbabit melakukan pelbagai kegiatan bagi mencegah jangkitan HIV melalui pendidikan dan khidmat sokongan," katanya.

(END)